

Serampang 3 mata tingkat pertanian

BH - 6/12/2006
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu petani, peladang dan penternak melaksanakan strategi serampang tiga mata, bagi menambah pendapatan dan membantu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, strategi itu ialah menambah kuantiti pengeluaran, meningkatkan mutu hasil serta meneroka pelbagai bidang yang berasaskan industri asas tani.

Katanya, pendekatan itu mesti dilakukan secara serentak dan bersempang dengan menggunakan pelbagai kaedah bioteknologi terkini serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Yang saya mahu lihat ialah petani, peladang yang dinamik, berdaya maju serta memperoleh pendapatan lebih tinggi tetapi yang penting ialah mereka mesti berusaha bersungguh-sungguh.

“Walaupun pertanian terus berkembang dan ia terbukti melalui Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (Maha) 2006, kita tidak boleh berpuas hati malah mesti terus bekerja mencapai tahap lebih tinggi,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ke-33 di sini, semalam.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikannya Anugerah Perdana Yayasan Pelajaran Peladang kepada sembilan anak ahli Nafas yang menuntut di institusi pengajian tinggi.

Beliau juga menyerahkan zakat daripada Pertubuhan Peladang Negeri untuk disampaikan kepada majlis agama Islam negeri serta menyampaikannya sijil MS ISO/IEC 17025 kepada Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd yang diterima Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nordin Ibrahim.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin

Yassin dan Pengerusi Nafas, Datuk Seri Abdul Rashid Abdul Rahman.

Perdana Menteri berkata, apabila pertanian maju maka petani juga akan turut maju melalui industri asas tani yang berkembang.

Beliau berkata, industri asas tani memerlukan hasil dari ladang yang bermutu dan dengan kuantiti yang banyak untuk membolehkan industri berkenaan berkembang dan sentiasa dapat membekalkan produk.

“Jika produktiviti ladang tidak bertambah, ini bermakna tidak cukup bahan untuk digunakan oleh kilang bagi menghasilkan produk se-

cukupnya untuk dijual.

“Kalau petani dapat mengeluarkan hasil banyak dan bermutu, mereka akan memperoleh pendapatan lebih tinggi. Kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini. Daripada kilang yang wujud dan penyertaan dalam industri asas tani, petani akan dapat pendapatan tambahan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak harus secara berterusan memberi perhatian kepada bercucuk tanam atau memelihara ikan dan lembu saja, sebaliknya membabitkan diri dalam industri asas tani serta koperasi syarikat.

Abdullah juga tidak mahu pertanian dikaitkan dengan kemiskinan atau sektor tidak berdaya maju dan hanya disertai golongan tidak bermaya akibat tidak mempunyai pe-

kerjaan lain.

Sementara itu, Muhyiddin meminta setiap unit peladang di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mengenal pasti bentuk industri asas tani dan melaksanakannya di kawasan masing-masing.

Beliau berkata, usaha itu perlu dimulakan tahun depan melalui peruntukan yang disediakan kementerian.

“Itu adalah satu pendekatan untuk memajukan lagi sektor pertanian dan mempelbagaikan sumber pendapatan peladang,” katanya.

Muhyiddin juga berkata, tahun depan penekanan akan diberikan kepada usaha memperkukuhkan organisasi dan pengurusan pertubuhan peladang untuk menjadikannya dan unit peladang lebih mantap dan cekap.